

PENDIDIKAN ISLAM DALAM ARUS PERUBAHAN: PENDEKATAN INTEGRATIF TRADISIONAL DAN KONTEMPORARI

ISLAMIC EDUCATION IN THE CURRENT OF CHANGE: TRADITIONAL AND CONTEMPORARY INTEGRATIVE APPROACHES

Nurul Khairiah Khalid^{1*}
Ahmad Firdaus Mohd Noor²
Mukhamad Khafiz Abd Basir³
Ahmad Rozaini bin Ali Hasan⁴

¹ Academy Contemporary of Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia
(E-mail: nkhairiah@uitm.edu.my)

² Academy Contemporary of Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia
(E-mail: firdausnoor@uitm.edu.my)

³ Academy Contemporary of Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia
(E-mail: khafiz@uitm.edu.my)

⁴ Academy Contemporary of Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia
(E-mail: ahmad@uitm.edu.my)

*Corresponding author: nkhairiah@uitm.edu.my

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Khalid, N. K., Mohd Noor, A. F., Abd Basir, M. K., & Ali Hasan, A. R. (2025). Pendidikan Islam dalam arus perubahan: Pendekatan integratif tradisional dan kontemporari. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 572 – 582.

Abstrak: Pendidikan Islam sedang mengalami perubahan besar kesan daripada globalisasi, teknologi digital, dan perkembangan sosio-budaya yang dinamik. Kaedah tradisional dalam pendidikan yang berpusatkan kepada guru, syarahan, talaqqi, dan hafalan telah lama memainkan peranan penting dalam memelihara pengetahuan dan nilai agama. Walau bagaimanapun, pendekatan kontemporari seperti bilik darjah terbalik (*flipped classroom*), pembelajaran teradun (*blended learning*), pembelajaran berasaskan projek (*project-based learning*), pembelajaran berasaskan masalah (*problem-based learning*) dan pembelajaran berasaskan inkuiri (*inquiry-based learning*) menawarkan pedagogi yang lebih dinamik, interaktif dan berpusatkan pelajar. Kertas kerja ini meneroka potensi mengintegrasikan strategi kontemporari ini dengan amalan pendidikan Islam tradisional. Menggunakan rangka kerja Islamisasi Pengetahuan oleh Al-Attas (1993), Teori Pembelajaran Konstruktivis Vygotsky (1978), dan Teori Andragogical Knowles (1984), kajian ini secara kritis membandingkan asas epistemologi dan pedagogi kedua-dua pendekatan. Penemuan itu menyerlahkan bahawa model integratif boleh menangani keperluan pendidikan semasa dengan memperkayakan nilai rohani sambil meningkatkan pemikiran kritis, kerjasama dan penerapan pengetahuan dunia sebenar. Kajian ini mencadangkan rangka kerja seimbang yang memelihara integriti warisan

pendidikan Islam sambil menerima inovasi untuk memastikan perkaitan dan impaknya yang berterusan dalam era digital. Implikasinya penting bagi penggubal dasar, pembangun kurikulum dan institusi pendidikan yang bertujuan untuk mengukuhkan pendidikan Islam melalui pembaharuan yang bermakna.

Kata Kunci: *Pendidikan Islam; Pendekatan Integratif; Pedagogi Tradisional, Pembelajaran Kontemporari, Kelas terbalik, Pembelajaran teradun*

Abstract: *Islamic education is experiencing a transformative shift driven by globalization, digital technology, and evolving sociocultural dynamics. Traditional methods based on teacher-centered learning, lectures, talaqqi, and memorization have long played a vital role in preserving religious knowledge and values. However, contemporary approaches such as flipped classroom, blended learning, project-based learning, problem-based learning, and inquiry-based learning offer more dynamic, interactive, and student-centered pedagogies. This paper explores the potential of integrating these contemporary strategies with traditional Islamic educational practices. Using the Islamization of Knowledge framework by Al-Attas (1993), Vygotsky's Constructivist Learning Theory (1978), and Knowles' Andragogical Theory (1984), the study critically compares the epistemological and pedagogical foundations of both approaches. The findings highlight that an integrative model can address current educational needs by enriching spiritual values while enhancing critical thinking, collaboration, and real-world application of knowledge. This study proposes a balanced framework that preserves the integrity of Islamic educational heritage while embracing innovation to ensure its continued relevance and impact in the digital age. The implications are significant for policy-makers, curriculum developers, and educational institutions aiming to strengthen Islamic education through meaningful reform.*

Keywords: *Islamic Education, Integrative Approach, Traditional Pedagogy, Contemporary Learning, Flipped Classroom, Blended Learning*

Pengenalan

Pendidikan Islam merupakan asas penting dalam pembentukan modal insan yang berakhlak dan berilmu, sejajar dengan prinsip *ta'dib*, iaitu pembentukan insan beradab seperti yang ditegaskan oleh Al-Attas (1993). Sejak berabad lamanya, pendidikan Islam berkembang melalui pendekatan tradisional yang menekankan interaksi guru dan pelajar secara maksimum dan secara bersemuka (Kasim, T. S. A. T., et. al, 2022). Konsep pendidikan tradisional lazimnya merangkumi komponen asas seperti guru, murid, sistem pentadbiran, serta penggunaan alat bantu atau media pembelajaran yang bersifat konvensional dan seragam (Saifudin et al., 2024). Pendekatan ini telah berjaya memelihara warisan ilmu Islam serta menyampaikan nilai-nilai keagamaan kepada generasi seterusnya. Walau bagaimanapun, perubahan sosial, perkembangan teknologi, dan tuntutan era Revolusi Industri 4.0 telah membawa kepada keperluan transformasi dalam pendidikan Islam. Pendekatan kontemporari, yang mengutamakan pendekatan konstruktivis, pedagogi kritis, dan pembelajaran berpusatkan pelajar, semakin mendapat perhatian dalam usaha meningkatkan keberkesanan sistem pendidikan Islam (Sahin, 2018). Walaupun pendekatan kontemporari menawarkan pelbagai kelebihan dalam meningkatkan pengalaman pembelajaran, terdapat kebimbangan bahawa ia mungkin menghakis keaslian pendidikan Islam yang berakar pada tradisi (Al-Attas, 1993). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji persamaan dan perbezaan antara pendekatan tradisional

dan moden dalam pendidikan Islam serta meneroka bagaimana kedua-duanya dapat diintegrasikan untuk mewujudkan sistem pendidikan Islam yang lebih seimbang dan relevan.

Masalah Kajian

Pergeseran antara tradisi dan inovasi dalam pendidikan Islam menimbulkan persoalan utama: Bagaimanakah pendidikan Islam dapat mengekalkan keasliannya sambil beradaptasi dengan cabaran moden? Untuk berubah dari persekitaran pembelajaran tradisional kepada persekitaran pembelajaran baharu sememangnya sukar dan ia merupakan satu cabaran dalam anjakan paradigma (Kasim, T. S. A. T., et al., 2022). Kekurangan kajian yang meneliti integrasi kedua-dua pendekatan ini menyebabkan jurang dalam perbincangan akademik mengenai pendidikan Islam yang holistik dan berkesan (Sahin, 2018). Asas Teori Kajian ini berasaskan tiga teori utama: Teori Islamisasi Ilmu oleh Al-Attas (1993) yang menekankan keperluan pendidikan Islam untuk menyaring unsur sekularisme dalam ilmu moden sambil mengekalkan prinsip Islam. Teori Konstruktivisme oleh Vygotsky (1978) yang menggariskan kepentingan pembelajaran aktif dan interaksi sosial dalam membina kefahaman pelajar. Teori Andragogi oleh Knowles (1984) yang menekankan kaedah pembelajaran dewasa, selaras dengan pendidikan Islam yang sering merangkumi pendidikan sepanjang hayat. Kajian ini berpendapat bahawa pendidikan Islam tidak harus memilih di antara tradisi atau pembaharuan, tetapi sebaliknya mengharmonikan kedua-duanya bagi melahirkan sistem pendidikan yang holistik, relevan, dan berteraskan nilai-nilai Islam. Dengan menerapkan pendekatan integratif, pendidikan Islam dapat mengekalkan warisan ilmunya sambil memanfaatkan teknologi dan metodologi moden untuk meningkatkan kualiti pembelajaran.

Kajian Literatur

Perbincangan mengenai transformasi pendidikan Islam dalam konteks perubahan sosial dan teknologi telah menjadi topik utama dalam kajian akademik. Sejumlah penyelidikan menyoroti aspek epistemologi, pedagogi, integrasi teknologi, serta cabaran dan peluang dalam pendidikan Islam kontemporari. Bahagian ini mengkaji lima sumber utama yang membincangkan perkembangan pendidikan Islam daripada perspektif teori dan praktikal, serta mengenal pasti jurang dalam literatur yang boleh ditangani dalam kajian ini.

Epistemologi dan Islamisasi Ilmu

Salah satu kerangka teori utama dalam pendidikan Islam ialah konsep Islamisasi ilmu, yang dibawa oleh Al-Attas (1993). Beliau berpendapat bahawa pendidikan Islam mestilah menyaring unsur sekularisme dalam sistem pendidikan moden sambil memastikan ilmu yang diajar selari dengan nilai-nilai Islam. Di dalam buku beliau *Islam and Secularism*, Al-Attas menekankan bahawa pemisahan ilmu daripada nilai spiritual boleh membawa kepada krisis epistemologi dalam pendidikan Islam. Namun, kritikan terhadap pendekatan ini menyatakan bahawa ia mungkin terlalu dogmatik dan kurang fleksibel dalam menghadapi cabaran pendidikan moden (Sahin, 2018). Kajian ini terbina daripada gagasan Al-Attas dengan mengkaji bagaimana pendekatan tradisional dan moden dapat diharmonikan, bukan sekadar memisahkan unsur sekular dan Islamik. Ia juga mencadangkan pendekatan integratif yang lebih dinamik dalam Islamisasi ilmu.

Pedagogi Tradisional dalam Pendidikan Islam

Pendidikan Islam pada awalnya adalah berbentuk halaqah (kumpulan-kumpulan kecil) dengan ciri menonjol adalah tertumpu kepada ilmu keagamaan semata-mata dan mengabaikan ilmu moden. (Huda, D. R. N., et.al, 2023). Pendidikan Islam tradisional di Malaysia sering kali masih berpegang kepada kaedah pengajaran tradisional yang menekankan hafalan dan

pengajaran berpusatkan guru. Kaedah ini lebih menekankan arahan moral dan tidak menggalakkan pelajar untuk rasa ingin tahu atau memperluaskan pemikiran mereka. Oleh itu, ia perlu diseimbangkan dengan pendekatan yang lebih berpusatkan pelajar. Pendekatan ini boleh membantu pelajar memahami makna di sebaliknya apa yang mereka pelajari, galakkan pemikiran yang mendalam dan reflektif, serta membantu mereka melihat sesuatu daripada pelbagai sudut. Ia juga penting untuk membina kemahiran berkomunikasi, bergaul dan bekerja dalam masyarakat. (Hashim, R., 2014). Di samping itu, untuk memastikan kejayaan dan keberkesanan Pendidikan Islam di semua peringkat pendidikan, seorang guru mesti mempunyai asas yang kuat dalam metodologi pengajaran, termasuk pengajaran berpusatkan pelajar. Namun satu kajian yang dibuat oleh Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) Kementerian Pengajian Tinggi mengenai pengajaran guru di Malaysia, dipercayai bahawa majoriti guru Pendidikan Islam terus menggunakan kaedah yang lebih berpusatkan guru (bin Jusoh, M. Z., & bin Aziz, M. F. (2024).

Pembelajaran Konstruktivis dalam Pendidikan Islam

Pembelajaran Konstruktivis dalam Pendidikan Islam bertentangan dengan pendekatan tradisional. Teori konstruktivisme menekankan kepentingan penglibatan aktif pelajar dalam membina pemahaman mereka sendiri (Vygotsky, 1978). Dalam konteks pendidikan Islam, Sahin (2018) berpendapat bahawa pembelajaran berbentuk inkuiri (pertanyaan) dan dialog terbuka dapat meningkatkan kefahaman dan penghayatan agama yang lebih mendalam berbanding pendekatan hafazan semata-mata. Kajian ini mengkaji bagaimana teori konstruktivisme boleh diterapkan dalam pendidikan Islam tanpa mengorbankan keaslian nilai-nilai Islam. Pendekatan ini relevan kerana ia membolehkan pelajar menghubungkan ilmu Islam dengan realiti semasa, menjadikannya lebih praktikal dan berguna dalam kehidupan moden.

Peranan Teknologi dalam Pendidikan Islam Kontemporari

Perkembangan teknologi digital telah membawa perubahan besar dalam kaedah penyampaian ilmu Islam. Kemajuan teknologi dalam pengajaran berlaku begitu pesat hingga tidak dapat dielakkan oleh sesiapa pun yang terlibat dalam dunia pendidikan hari ini. Guru yang tetap berpegang dengan kaedah dan amalan pengajaran dan pembelajaran cara lama akan ketinggalan dalam arus perkembangan pendidikan (Che Noh, M. A., et al., 2021).

Revolusi dalam teknologi mewujudkan perubahan dalam konteks pembelajaran berterusan yang mencabar konsep dan teori pendidikan tradisional, terutamanya dalam konsep bilik darjah dan kaedah PdP di mana murid diberi kebebasan dalam menyesuaikan diri dalam proses pembelajaran bagi meningkatkan pengetahuan mereka (Aliya, N., et al., 2024). Misalnya, kaedah E-pembelajaran dan M-learning (*mobile learning*) dapat memaksimumkan hasil pembelajaran dalam talian serta mewujudkan persekitaran digital yang kondusif dan efektif (Lim, G. F., et al., (2024). Dengan era digital yang semakin berkembang, kecerdasan buatan (AI) pula muncul sebagai alat yang memberikan impak besar dalam pelbagai bidang, termasuk pendidikan Islam. Penggunaan AI dalam pendidikan Islam bukan sahaja meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran, tetapi juga memperkukuhkan kefahaman dan penghayatan nilai-nilai Islam dalam kalangan generasi muda, sejajar dengan tuntutan era digital yang semakin kompleks.

Semestinya penggunaan teknologi memberi manfaat kepada sistem pembelajaran pendidikan Islam. Namun, terdapat cabaran dan aspek negatif mungkin berlaku dalam penggunaan teknologi tersebut. Sebagai contoh, pengguna boleh menyebar sesuatu maklumat tanpa merujuk kepada sumber asal atau sengaja menyebar maklumat yang tidak tepat demi kepentingan diri

atau merosakkan umat Islam (bin Jusoh, M. Z., & bin Aziz, M. F. (2024). Kajian ini akan mengkaji cara terbaik untuk mengintegrasikan teknologi dalam pendidikan Islam tanpa menjejaskan aspek nilai dan kerohanian yang menjadi teras bagi sistem ini.

Integrasi Tradisi dan Pembaharuan dalam Kurikulum Islam

Menurut Taufiq (2020), proses pembelajaran masa kini yang berpusatkan pelajar menyebabkan pelajar tidak perlu bergantung sepenuhnya kepada guru. Kaedah pembelajaran tradisional yang dilihat menghalang pengembangan kemahiran pelajar perlu ditambah baik. Peranan guru sebagai penyampai maklumat (informatif) semakin digantikan oleh kecerdasan buatan (AI). Malah, ilmu yang diperoleh pelajar melalui internet sering kali lebih luas berbanding apa yang diajar oleh guru di dalam bilik darjah. Peranan guru kini telah berubah menjadi fasilitator, pencetus idea, pemotivasi, perantara, dan juga penilai. Nugraha, T. C. et.al, (2024) turut menyebut bahawa selaras dengan perkembangan Revolusi Perindustrian 4.0, Taufiq (2020) menekankan kepentingan mengintegrasikan pendidikan agama tradisional dengan kemajuan teknologi moden untuk membina sahsiah dan akhlak pelajar.

Adalah penting untuk mencapai keseimbangan antara strategi pedagogi kontemporari dan metodologi pendidikan tradisional. Pendekatan integrasi yang menggabungkan metodolgi semasa dengan pengajaran tradisional, menjadikan pengalaman pembelajaran lebih dinamik. Dengan menggubal kurikulum yang relevan, memanfaatkan kemajuan teknologi, dan mengamalkan rangka kerja pembelajaran kontekstual, Pendidikan Islam boleh menyelaraskan kaedah pedagogi moden dengan ajaran tradisional dengan baik (Nawi, R. M., et al., 2024).

Berikut adalah perbandingan Pendidikan Islam Tradisional dan Kontemporari:

Jadual 1: Perbandingan Pendidikan Islam Tradisional dan Kontemporari

Aspek	Pendidikan Tradisional	Pendidikan Kontemporari
Kaedah Pengajaran	Halaqah, talaqqi, hafazan	Flipped classroom, PBL, IBL
Peranan Pelajar	Pasif, penerima ilmu	Aktif, pembina ilmu
Peranan Guru	Aktif, penyampai ilmu	Fasilitator, pembimbing
Penilaian	Lisan, hafalan	Refleksi, projek, rubrik

Sumber: Jadual ini dibina oleh penulis berdasarkan sintesis maklumat dengan bantuan ChatGPT (OpenAI, 2025).

Jurang dalam kajian sedia ada

Walaupun kajian-kajian terdahulu telah membincangkan kepentingan pendekatan tradisional dan moden dalam pendidikan Islam, masih terdapat jurang dalam usaha integrasi yang lebih sistematik. Kebanyakan kajian cenderung sama ada mempertahankan pendekatan tradisional atau mengutamakan pembaharuan tanpa mempertimbangkan pendekatan holistik yang menyatukan kedua-duanya. Kajian ini akan mengisi jurang tersebut dengan mencadangkan model integratif yang lebih menyeluruh, mengambil kira prinsip Islamisasi ilmu, pedagogi konstruktivisme, dan penggunaan teknologi dalam pendidikan Islam.

Perbandingan pendidikan Islam tradisional dan kontemporari mendedahkan interaksi dinamik antara usaha pemeliharaan dan inovasi pembelajaran. Walaupun model tradisional menekankan pembangunan rohani, pembentukan etika, dan penyampaian pengetahuan yang berwibawa, pendekatan kontemporari berusaha untuk memupuk pemikiran kritis, kecanggihan teknologi, dan integrasi holistik di antara aspek agama dan dunia. Kedua-dua paradigma menyumbang

pandangan yang berharga, namun masing-masing juga mempunyai batasan dan kelemahan. terdapat jurang ketara dalam penyelidikan empirikal, terutamanya mengenai keberkesanan model bersepadu dan pengalaman hidup pelajar dan pendidik. Jurang ini memberikan ruang untuk penyelidikan masa depan, terutamanya dalam konteks setempat seperti Malaysia, Indonesia, dan dunia Islam yang lebih luas.

Secara keseluruhannya, kajian literatur ini menunjukkan bahawa terdapat potensi besar dalam mengharmonikan pendekatan tradisi dan moden dalam pendidikan Islam. Dengan menerapkan prinsip Islamisasi ilmu, memperkayakan pedagogi dengan kaedah konstruktivis, dan menggunakan teknologi secara bijak, pendidikan Islam dapat diperkasakan agar lebih relevan dan berdaya saing dalam dunia moden.

Metodologi

Kajian ini bersifat kualitatif dengan kaedah analisis perbandingan antara pendidikan Islam tradisional dan kontemporari. Kajian dilakukan terhadap buku, jurnal, dan artikel mengenai pendidikan Islam tradisional dan kontemporari berdasarkan kajian literatur serta teori pendidikan Islam. Kajian menggunakan reka bentuk kajian komparatif dengan menganalisa perbezaan dan persamaan di antara pendekatan tradisional (*chalk and talk*, hafazan, pembelajaran berpusatkan guru) dan moden (pedagogi konstruktivis, teknologi digital, pembelajaran berpusatkan pelajar).

Kerangka Teori dan Konseptual

Kerangka Teori dan Konseptual Kajian mengenai pendidikan Islam dalam arus perubahan memerlukan asas teori yang kukuh bagi memahami sifat dinamik di antara pendekatan tradisional dan kontemporari. Dalam konteks ini, tiga teori utama yang mendasari kajian ini ialah Teori Islamisasi Ilmu (Al-Attas, 1993), Teori Konstruktivisme (Vygotsky, 1978), dan Teori Andragogi (Knowles, 1984). Gabungan teori ini memberikan kefahaman yang lebih menyeluruh mengenai bagaimana pendidikan Islam dapat disesuaikan dengan aspek globalisasi dan transformasi digital tanpa menjejaskan prinsip asasnya.

Teori Islamisasi Ilmu (Al-Attas, 1993)

Teori Islamisasi Ilmu yang dikemukakan oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas menegaskan bahawa pendidikan Islam harus menapis elemen sekularisme, dualisme, dan hedonisme dalam ilmu moden agar selari dengan nilai Islam. Islamisasi ilmu menekankan bahawa pemindahan ilmu bukan sekadar bersifat teknikal, tetapi juga spiritual, di mana ilmu perlu diajarkan dengan memahami hakikat dan tujuan kehidupan dalam Islam (Al-Attas, 1993). Dalam konteks kajian ini, Islamisasi ilmu memberikan asas bahawa pendidikan Islam harus mengekalkan nilai dan warisan keilmuan tradisional walaupun menerima unsur pembaharuan dari pendekatan moden. Ini bermakna teknologi dan pedagogi kontemporari boleh diterapkan dalam pendidikan Islam selagi ianya tidak bercanggah dengan prinsip syariah dan maqasid syariah.

Teori Konstruktivisme (Vygotsky, 1978)

Teori Konstruktivisme Sosial oleh Lev Vygotsky (1978) menekankan bahawa pembelajaran berlaku secara aktif melalui interaksi sosial dan pengalaman peribadi. Menurut teori ini: Pelajar bukan sekadar penerima ilmu, tetapi membina kefahaman mereka melalui dialog, perbincangan, dan pengalaman seharian. Konsep Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) menyatakan bahawa pelajar boleh mencapai tahap pemahaman lebih tinggi dengan bimbingan guru atau pergaulan dengan rakan sebaya (Vygotsky, 1978). Dalam konteks pendidikan Islam, teori ini relevan kerana ia memberikan alternatif kepada pendekatan tradisional yang lebih

berpusat kepada guru (teacher-centered). Dengan menggunakan pendekatan konstruktivisme, pendidikan Islam boleh menggalakkan pemikiran kritis, analitikal, dan pemahaman mendalam, menjadikannya lebih dinamik dan berkesan dalam dunia moden (Hashim, 2014).


Teori Andragogi (Knowles, 1984)

Teori Andragogi oleh Malcolm Knowles (1984) menjelaskan prinsip pembelajaran orang dewasa, yang juga relevan dalam pendidikan Islam kerana: Pelajar dewasa lebih berdikari dan bermotivasi, tidak bergantung sepenuhnya kepada guru seperti dalam pendidikan tradisional. Mereka belajar lebih baik melalui pengalaman sebenar, penyelesaian masalah, dan perbincangan. Kaedah pembelajaran interaktif, kajian kes, dan pembelajaran kolaboratif lebih sesuai untuk mereka. Teori ini penting dalam kajian ini kerana pendidikan Islam tidak hanya tertumpu kepada kanak-kanak, tetapi juga kepada pelajar dewasa di madrasah, universiti Islam, dan program pengajian tinggi Islam (Sahin, 2018). Dengan menggunakan pendekatan andragogi, pendidikan Islam boleh menjadi lebih fleksibel dan responsif terhadap keperluan pelajar moden.

Ketiga-tiga teori ini saling melengkapi dalam membentuk kerangka pendidikan Islam yang seimbang antara tradisi dan inovasi: Islamisasi Ilmu memastikan ketulenan dan nilai Islam dikekalkan dalam pendidikan. Konstruktivisme membantu dalam membangunkan metodologi pengajaran yang lebih aktif dan interaktif. Andragogi menyesuaikan pendidikan Islam dengan keperluan pembelajaran moden, terutamanya bagi pelajar dewasa.

Model Konseptual

Berikut adalah model konseptual yang menunjukkan hubungan antara teori-teori utama dan pendekatan pendidikan Islam:



Kerangka konseptual ini dibina berasaskan tiga teori utama, iaitu Islamisasi Ilmu, Teori Konstruktivisme, dan Teori Andragogi, yang digabungkan bagi membentuk suatu pendekatan pedagogi Islam yang integratif dan holistik. Ketiga-tiga teori ini saling melengkapi dan digabungkan ke dalam satu pendekatan yang dinamakan “Pedagogi Islam Integratif”, iaitu satu kaedah pengajaran yang menggabungkan nilai spiritual tradisional dengan kaedah pedagogi moden.

Melalui pendekatan ini, pelbagai strategi kontemporari seperti Flipped classroom (kelas diterbalikkan), Pembelajaran berasaskan projek (PBL), Pembelajaran Teradun (blended

learning), dan Pembelajaran berasaskan inkuiri digunakan untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih interaktif, relevan, dan berpusatkan pelajar.

Hasil daripada pendekatan ini ialah graduan Muslim yang holistik, iaitu pelajar yang bukan sahaja menguasai ilmu secara kritikal dan beretika, tetapi juga mempunyai jati diri, nilai spiritual yang kukuh, dan mampu menyumbang secara kolaboratif dalam masyarakat.

Dapatan dan Perbincangan

Kajian ini membentangkan satu kerangka konseptual yang menggabungkan Teori Islamisasi Ilmu (Al-Attas, 1993), Teori Konstruktivisme (Vygotsky, 1978), dan Teori Andragogi (Knowles, 1984) sebagai asas bagi membentuk pendidikan Islam yang seimbang di antara tradisi dan inovasi. Perbincangan dalam bahagian ini meneliti sumbangan teori terhadap bidang pendidikan Islam, kekuatan dan kelemahan kerangka ini, serta potensi aplikasinya dalam konteks pendidikan moden.

Sumbangan Teoretikal

Kajian ini menyumbang secara signifikan kepada perkembangan teori dalam bidang pendidikan Islam dengan mengemukakan satu model pedagogi Islam integratif yang menggabungkan kerangka Islamisasi Ilmu (Al-Attas), teori Konstruktivisme (Vygotsky), dan teori Andragogi (Knowles). Pertama, model ini mengisi jurang di antara aspek keilmuan tradisional Islam dan teori pedagogi moden, sekali gus memperkukuh pendekatan pendidikan Islam yang seimbang di antara pemeliharaan nilai kerohanian dan keperluan pedagogi abad ke-21. Ini merupakan sumbangan penting kerana ia menunjukkan bahawa pendidikan Islam tidak perlu dilihat secara dikotomi antara tradisi dan pembaharuan, sebaliknya boleh diharmonikan secara dinamik dan bersepadu.

Kedua, model ini memberikan nilai tambah kepada teori konstruktivisme dan andragogi dengan meletakkan kedua-duanya dalam kerangka nilai Islam. Kajian ini memperlihatkan bagaimana prinsip pembelajaran aktif, inkuiri dan pembelajaran sendiri boleh disesuaikan dalam konteks pendidikan Islam tanpa menjejaskan nilai spiritual serta adab keilmuan. Hal ini sekaligus menyumbang kepada proses Islamisasi teori pendidikan Barat yang sebelum ini lebih dominan dalam pendidikan arus perdana.

Ketiga, kerangka ini menyumbang kepada pembangunan teori kurikulum dan reformasi pedagogi di institusi pendidikan Islam. Dengan memberikan struktur jelas bagaimana tradisi seperti halaqah dan talaqqi boleh digabungkan dengan pendekatan moden seperti *flipped classroom*, *blended learning* dan pembelajaran berasaskan projek, model ini dapat dijadikan asas kepada reka bentuk kurikulum dan strategi pengajaran yang lebih holistik, kontekstual dan bertindak balas terhadap cabaran semasa.

Akhir sekali, sumbangan teori model ini terletak kepada penekanan terhadap hasil pembelajaran yang bersifat menyeluruh, iaitu melahirkan pelajar Muslim yang bukan sahaja cemerlang secara intelektual, tetapi juga mempunyai asas spiritual, etika dan sosial yang kukuh. Model ini mengembangkan definisi hasil pendidikan Islam daripada sekadar hafazan dan pematuhan kepada satu bentuk pembelajaran yang membina pemikiran kritis, reflektif, dan kolaboratif. Oleh itu, model ini menawarkan satu kerangka teori baharu yang bersifat komprehensif dan kontekstual, yang boleh dimanfaatkan oleh pengkaji, penggubal dasar dan pelaksana kurikulum dalam memperkasa sistem pendidikan Islam.

Pendekatan ini menjawab beberapa isu kritikal dalam pendidikan Islam kontemporari:

Menyesuaikan diri dengan era digital – Pengintegrasian teknologi dalam pengajaran membantu guru mengisi jurang kelemahan kaedah tradisional dan membuka peluang kepada proses pembelajaran yang lebih kondusif, interaktif dan bermanfaat kepada kedua-dua pihak guru dan pelajar (Lim, G. F., et al., (2024). Menurut Aziz dan Laili (2023), model *flipped learning* berkembang daripada konsep *blended learning* dan merupakan satu inovasi dalam paradigma pembelajaran di bilik darjah. Model ini membolehkan pelajar menjadi lebih aktif dan terlibat secara langsung dalam proses pembelajaran kerana mereka diberi ruang untuk mengakses bahan pembelajaran (seperti video atau nota digital) sebelum kelas, dan masa di dalam kelas digunakan untuk perbincangan, aplikasi konsep, dan penyelesaian masalah.

Memelihara keaslian pendidikan Islam

Dengan menggunakan prinsip Islamisasi ilmu, pendekatan ini menolak sekularisasi ilmu dan mengekalkan nilai Islam dalam sistem pendidikan (Al-Attas, 1993).

Memodenkan kaedah pengajaran

Konstruktivisme dan andragogi membantu membentuk strategi pengajaran yang lebih interaktif, reflektif, dan berpusatkan pelajar (Vygotsky, 1978; Knowles, 1984).

Menyesuaikan diri dengan era digital

Pengintegrasian teknologi dalam pengajaran membantu guru mengisi jurang kelemahan kaedah tradisional dan membuka peluang kepada proses pembelajaran yang lebih kondusif, interaktif dan bermanfaat kepada kedua-dua pihak guru dan pelajar (Lim, G. F., et al., (2024). Menurut Aziz dan Laili (2023), model *flipped learning* berkembang daripada konsep *blended learning* dan merupakan satu inovasi dalam paradigma pembelajaran di bilik darjah. Model ini membolehkan pelajar menjadi lebih aktif dan terlibat secara langsung dalam proses pembelajaran kerana mereka diberi ruang untuk mengakses bahan pembelajaran (seperti video atau nota digital) sebelum kelas, dan masa di dalam kelas digunakan untuk perbincangan, aplikasi konsep, dan penyelesaian masalah.

Kesimpulan

Pendidikan Islam mengalami transformasi yang signifikan akibat globalisasi dan perkembangan teknologi. Pendekatan tradisional seperti halaqah, *talaqqi*, dan hafazan berperanan penting dalam pemeliharaan warisan keilmuan Islam, tetapi menghadapi cabaran dalam menyesuaikan diri dengan keperluan pembelajaran moden. Sebaliknya, pendekatan kontemporari yang menekankan pembelajaran berpusatkan pelajar, teknologi digital, dan pedagogi kritis menawarkan kaedah yang lebih interaktif dan dinamik.

Pendidikan Islam tidak harus dilihat dalam dikotomi tradisional atau moden. Sebaliknya, pendekatan integratif yang menyatukan kekuatan kedua-duanya dapat membentuk sistem pendidikan Islam yang lebih holistik dan lestari. Kajian ini mencadangkan agar kurikulum pendidikan Islam ditransformasi dengan mengambil kira pendekatan pelbagai dimensi seperti spiritual, intelektual dan teknologi, agar kekal relevan di era digital.

References

- Abdullah, R. (2025). *Kecerdasan buatan perkasa pendidikan Islam era digital*. <https://www.khairulfaizi.com.my/2025/02/kecerdasan-buatan-perkasa-pendidikan.html> (Diakses pada 25 Mei 2025)
- Aliya, N., Suriani, A. B., Wong, K. T., Azzam, A. B., & Adli, M. (2024). Integrasi aplikasi berasaskan kecerdasan buatan dalam pembelajaran digital dan kaedah pengajaran dan pembelajaran fizik kuantum: Tinjauan literatur. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 14(2), 155–170.
- Aziz, A., & Laili, N. (2023). Flipped learning model as a solution for implementing Islamic religious education (PAI) learning in the 21st century. *Journal of Research in Islamic Education*, 5(2), 105–117. <https://doi.org/10.25217/jrie.v5i2.4277>
- bin Jusoh, M. Z., & bin Aziz, M. F. (2024). Pengajaran al-Quran dan Hadis: Satu kajian tinjauan. In *Proceeding Global Vocational Education Symposium* (Vol. 1, No. 1, pp. 38–43).
- Che Noh, M. A., Ramlan, S. R., & Ismail, N. A. (2021). Paradigma pengajaran Pendidikan Islam: Tradisional dan kontemporari. Dalam *Prosiding Seminar Inovasi Pendidikan Islam dan Bahasa Arab 2021* (hlm. 197–206). Persatuan Intelktual Muslim Malaysia.
- Daud, M. N. W. (2005). *Falsafah dan amalan pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas: Satu huraian konsep asli Islamisasi*. Penerbit Universiti Malaya.
- Hashim, R. (2014). Transformative Islamic education through a transformative pedagogy in Malaysia. In A. M. Al-Attas & R. Hashim (Eds.), *Reforms in Islamic education: International perspective* (pp. 177–194). International Institute of Islamic Thought.
- Huda, D. R. N., Rifa'i, A. N. R. I., & Khoiriyah, A. H. K. (2023). Pendidikan Islam tradisional dan modern. *Al Riwayah: Jurnal Kependidikan*, 15(2), 262–272. <https://doi.org/10.47945/al-riwayah.v15i2.949>
- Ichsan, A. S., Sembiring, I. D., & Luthfiah, N. (2020). Pendidikan Islam menghadapi tradisi, transisi, dan modernisasi. *Fitrah: Journal of Islamic Education*, 1(1), 107–123. <https://doi.org/10.53802/fitrah.v1i1.11>
- Juhairiah, S., Yuwono, D., & Kinasih, Q. Y. (2024). Digital transformation in Islamic education: Opportunities, challenges, and its impact on Islamic values. *Journal of Vocational Education and Educational Technology Innovations*, 1(1), 1–6. <https://doi.org/10.58905/veeti.v1i1.1>
- Kasim, T. S. A. T., Noor, N. E. M., & Yusoff, Y. M. (2022). Cabaran guru dalam pembinaan sahsiah murid melalui e-pembelajaran Pendidikan Islam: Teacher challenges in building student personality through e-learning of Islamic education. *Sains Insani*, 7(2), 63–71. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol7no2.414>
- Khoiruddin, M. (2018). Pendidikan Islam tradisional dan modern. *Tasyri': Jurnal Tarbiyah-Syari'ah Islamiyah*, 25(2), 92–105. <https://doi.org/10.52434/tasyri.v25i2.36>
- Knowles, M. S. (1984). *The adult learner: A neglected species*. Gulf Publishing.
- Lim, G. F., Jalil, N. A., Suraya, D., Hidup, A., & Omar, M. (2024). Pengintegrasian teknologi dalam pendidikan: Cabaran guru – Contrastive analysis of technological integration in education: Challenges for educators. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*, 8(1). <https://doi.org/10.24191/ijmal.v8i1.26777>
- Nawi, R. M., Abdullah, M., & Setambah, M. A. B. (2024). Pengajaran dan pembelajaran kontekstual dalam bidang usul al-fiqh bagi mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah di Malaysia: Satu sorotan pendekatan pengajaran. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 8(2), 120–132. <https://doi.org/10.55062/attarbawiy.v8i2.199>
- Nugraha, T. C., Abdel, E. S. E. S. A., & Lukman, F. (2024). Integrating problem-based and flipped learning in Islamic religious education: A pathway to achieving Sustainable

- Development Goals. *Jurnal Pendidikan Islam*, 10(1), 125–136.
<https://doi.org/10.15575/jpi.v10i1.35204>
- OpenAI. (2025). *ChatGPT* (versi 15 Juli) [Model bahasa besar]. <https://chat.openai.com/>
- Sahin, A. (2018). *New directions in Islamic education: Pedagogy and identity formation*. Kube Publishing.
- Saifudin, A., Mudzakir, M. I. S., & Apriadi, B. D. (2024). Pemikiran pendidikan Islam tradisional dan modern. *CERMIN: Jurnal Manajemen dan Pendidikan Berbasis Islam Nusantara*, 3(2), 21–25.
- Taufik, M. (2020). Strategic role of Islamic religious education in strengthening character education in the era of industrial revolution 4.0. *Jurnal Ilmiah Islam Futura*, 20(1), 86–104. <https://doi.org/10.22373/jiif.v20i1.5797>
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Harvard University Press.